

## LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE AUSTRALIA

Seramai 16 orang pustakawan dari Perpustakaan Negara Malaysia dan 7 buah perpustakaan lain di negara ini telah mengadakan lawatan sambil belajar selama 6 minggu ke Australia iaitu dari 11hb April hingga 15hb Mei, 1982. Mereka-mereka ialah:

Puan Arfah Mohd Isa  
Puan Embok Chik bt Hussein  
Puan Ding Choo Ming, dan  
Putri Saniah Rahman - dari UKM;

Puan Normah bt Bachik  
Puan Raja Masittah Raja Ariffin  
- dari Dewan Bahasa dan Pustaka;

Tengku Fauziah bt Tengku Othman, dan  
Puan Zainab Jalaludin - dari UTM;

Cik Salimah Abd Rahman, dan  
Puan Nor Azmah Aziz - dari PNM;

Puan Pathmavathy Satyamoorthy, dan  
Encik Inoh Khye Siew  
- dari Jabatan Perdana Menteri;

Datin Rugayah Abd Rashid, dan  
Encik Laili bin Hashim - dari ITM;

Puan Lai Siew Yoong - dari Kementerian Pertanian;

Puan Galoh Zakiah bt Malik - dari UPM.

Delegasi ini diketuai oleh Datin Rugayah.

Rancangan ini adalah di bawah anjuran Australian Development Assistance Bureau (ADAC) dan Perpustakaan Negara Australia. Lawatan ini bertujuan merapatkan lagi perhubungan diantara pustakawan-

pustakawan Malaysia dan Australia. Disamping itu mereka dapat mempelajari perkembangan baru dalam bidang keperpustakaan dimana Australia adalah diantara negara yang termaju dalam perkhidmatan perpustakaan.

Dalam rangka lawatan tersebut rombongan ini telah singgah di tiga buah bandar besar di Australia, iaitu Canberra, Melbourne dan Sydney. Para pustakawan Malaysia telah berpeluang melihat dengan lebih dekat lagi sistem dan perkhidmatan di beberapa jenis perpustakaan. Perpustakaan yang dilawati termasuklah:

Paillieu Library, Melbourne University,  
C.S.I.R.O. Central Library,  
Three C.S.I.R.O. Divisional Libraries,  
State Library of Victoria,  
National Library of Australia,  
Belconnen Town Centre Library,  
Erindale Community Library,  
Woden Town Centre Library,  
Australian National University,  
Fisher Library, University of Sydney,  
State Library of N.S.W.,  
Royal Melbourne Institute of Technology,  
University of Macquarie,  
BISA - Bibliography Information on  
Southeast Asia,  
CAGA - Centre Development of the New  
Serial System, dan  
Australian Parliamentary Library.

Perpustakaan-perpustakaan tersebut ialah Perpustakaan-perpustakaan akademik, Perpustakaan-perpustakaan awam, Perpustakaan-perpustakaan negeri dan negara dan Perpustakaan-perpustakaan khusus.

Rancangan lawatan ini sangat berjaya dan pihak penganjur bercadang akan mengadakan lawatan serupa ini di masa akan datang.